

MASALAH PENGUASAAN KOSA KATA ASAS BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID TAHUN 1 SEKOLAH KEBANGSAAN

Noor Aina Dani

Muhammad Saiful Haq Hussin

Abstrak

Makalah ini meninjau kajian mengenai masalah penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu yang wujud pada peringkat Tahun 1 sekolah kebangsaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa murid hanya dapat menguasai peringkat bahagian huruf abjad dengan memuaskan, namun pada peringkat bahagian suku kata, bahagian kosa kata, bahagian frasa dan seterusnya bahagian ayat didapati penguasaan murid tersebut menjadi lemah dan semakin bermasalah.

Abstract

This article looks into the problem of the basic proficiency in the Malay vocabulary among the students in Year One in a primary school. The study indicates that students can only master the alphabet satisfactorily while in the syllable stage, words, phrase and sentences, the students tend to be less proficient.

PENDAHULUAN

Kajian tentang penguasaan bahasa Melayu banyak berkait dengan proses perolehan bahasa, peringkat umur perolehan bahasa, dan kecekapan murid menguasai bahasa. Kajian ini pula meninjau masalah penguasaan bahasa Melayu yang wujud pada peringkat Tahun 1, iaitu sewaktu murid mula menerima asas pendidikan formal di sekolah. Kebanyakan orang beranggapan penguasaan bahasa Melayu peringkat Tahun 1 masih awal untuk diberikan perhatian yang serius, sedangkan pada peringkat tersebut guru perlu menerapkan cara

pemelajaran bahasa Melayu yang betul, terutama jika dialek Melayu setempat mempengaruhi persekitaran bahasa dalam kalangan murid.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Morak, di Tumpat, Kelantan. Sekolah Kebangsaan Morak ditubuhkan pada tahun 1951 dan dikenali sebagai sekolah rakyat. Pada masa ini, bilangan tenaga pengajar sekolah

Jadual 1 Pengalaman Mengajar dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Tahun 1.

Guru	Pengalaman mengajar
A	4 tahun
B	5 tahun
C	11 tahun
D	25 tahun

tersebut adalah sebanyak 36 orang, 20 lelaki dan 16 perempuan. Daripada jumlah tersebut, 17 orang ialah guru mata pelajaran Bahasa Melayu, yang kebanyakannya berasal dari Kelantan. Kesemua mereka telah mendapat latihan perguruan secara formal di maktab perguruan tempatan.

Daripada hasil temu bual kajian rintis ke atas 4 orang guru mata pelajaran bahasa Melayu, didapati bahawa kebanyakannya berasal dari negeri Kelantan, dan masing-masing mempunyai pengalaman mengajar selama 4 – 25 tahun.

Dari segi kelayakan akademik, seorang guru mata pelajaran Bahasa Melayu mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) manakala tiga yang lain lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Seorang guru yang mengajar kelas KBSR telah mengikuti Kursus Orientasi Pelaksanaan

Jadual 2 Bilangan Murid Tahun 1 Hingga Tahun 6 (2001) Di SK Morak, Tumpat, Kelantan.

Bil. Murid sekolah	Bil. Murid Tahun 1
824	148

KBSR hujung minggu pada peringkat awal KBSR diperkenalkan dahulu, manakala tiga orang guru telah pun menerima latihan secara formal tentang KBSR di maktab perguruan dalam bidang berkenaan sebelum ditauliahkan sebagai guru terlatih.

Murid di sekolah kajian terdiri daripada bangsa Melayu (lihat Jadual 2), penduduk tempatan. Kawasan kajian tidak jauh dari sempadan Negara Thai (Selatan), iaitu kira-kira 15 kilometer dari pekan Takbai yang bersempadan dengan Pengkalan Kubor.

Murid Tahun 1 mewakili 17.9% daripada jumlah keseluruhan murid Sekolah Kebangsaan Morak. Kebanyakannya dari kawasan kampung yang berhampiran dengan sekolah, iaitu Kampung Morak, Kampung Mesira, Kampung Kebakat, Kampung Kepulau, dan Kampung Paloh. Kebanyakan

Jadual 3 Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun 2000 bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu.

Kelas	Bil. Murid	Bilangan dan gred			Lulus		Bilangan dan gred			Gagal
		A	B	C	Bil.	%	D	E	Bil.	%
1 Cemerlang	47	1	3	11	15	31.91	9	23	32	68.09
1 Bistari	46	27	10	6	43	93.48	0	3	3	6.52
1 Dinamik	47	1	1	7	9	19.15	14	24	38	80.85
Keseluruhan	140	29	14	24	67	47.86	23	50	73	52.14

daripada ibu bapa murid bekerja sebagai petani, sebilangan kecil bekerja sebagai kakitangan kerajaan seperti guru, kerani, dan kakitangan hospital.

Prestasi peperiksaan akhir tahun 2000 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu agak baik walaupun masih terdapat masalah keciciran dalam kalangan murid, terutama penguasaan bahasa secara menyeluruh (lihat Jadual 3). Murid yang tidak dapat menguasai 3M telah dihantar ke kelas Pemulihan Khas untuk diajar semula kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira (3M) berdasarkan tahap kemahiran yang dikuasai oleh murid.

Data dalam Jadual 3 menunjukkan pencapaian murid Tahun 1 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu kurang memuaskan kerana hanya 47.86% murid yang lulus. Peratus murid yang gagal lebih tinggi, iaitu 52.14%. Data ini menggambarkan bahawa kadar keciciran murid berbangsa Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu membimbangkan.

Bilangan murid Tahun 1 yang ramai menyebabkan guru tidak dapat memusatkan pengajaran dan pembelajaran secara yang berkesan baik secara individu atau kumpulan. Murid yang lambat tidak berpeluang mengikuti pembelajaran pemulihan dengan berkesan. Di samping itu, pengendalian gerak kerja kumpulan menjadi kurang berkesan kerana setiap kumpulan mengandungi ahli yang berlebihan dan menimbulkan masalah kepada guru untuk memberikan bimbingan.

Guru pula membahagikan murid kepada kumpulan cerdas, kumpulan sederhana, dan kumpulan lemah untuk memudahkan mereka mengenal pasti tahap kemahiran dan penguasaan bahasa murid dan menyenangkan murid berinteraksi dalam kumpulan masing-masing.

Daripada pemerhatian secara langsung pada organisasi bilik darjah, didapati keadaannya memuaskan. Bilik darjah dihias dengan carta dan bahan pembelajaran yang berkaitan dengan mata pelajaran yang dipelajari oleh murid. Di dalam bilik darjah terdapat sudut mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan Matematik. Terdapat perpustakaan kelas yang mengandungi buku cerita mengikut tahap kemampuan membaca dalam kalangan murid.

Jadual 4 Bilangan Murid dan Jumlah Kelas Berdasarkan Unjuran 2001.

Tahap 1	Bilangan murid	Tahap 2	Bilangan murid
1 Cemerlang	37	4 Cemerlang	37
1 Bistari	38	4 Bistari	35
1 Dinamik	37	4 Dinamik	33
1 Intensif	36	4 Intensif	35
2 Cemerlang	47	5 Cemerlang	35
2 Bistari	46	5 Bistari	46
2 Dinamik	47	5 Dinamik	44
3 Cemerlang	42	6 Cemerlang	25
3 Bistari	42	6 Bistari	37
3 Dinamik	43	6 Dinamik	37
		6 Intensif	37
Jumlah	415	Jumlah	409

Dari segi kedudukan kelas, didapati bilangan bilik darjah mencukupi, dengan setiap kelas mempunyai tiga atau empat bilik darjah (lihat Jadual 4). Kelas untuk Tahap 1, Tahun 2, dan Tahun 3 mengandungi 10 bilik darjah,

manakala kelas untuk Tahap 2, Tahun 4, Tahun 5, dan Tahun 6 mengandungi 11 bilik darjah. Sebuah bilik khas yang dikendalikan oleh guru pemulihan khas dan seorang guru pra digunakan untuk kelas pemulihan khas dan pra. Jumlah keseluruhan murid ialah 824 orang.

KEPENTINGAN KAJIAN

Masalah penguasaan bacaan asas merupakan masalah yang berlarutan dari dahulu sehingga sekarang. Akar umbi masalah tersebut bermula dari prasekolah, berlanjutan ke sekolah rendah, bahkan ada juga sehingga sekolah menengah. Sebagai contoh, Tan Sri Murad Mohd. Noor, bekas Ketua Pengerah Pendidikan Malaysia pernah menyatakan bahawa hampir 40% daripada kanak-kanak (murid) di sekolah rendah di Pulau Pinang masih tidak tahu membaca (*Berita Harian*, 28.9.1979). Kenyataan tersebut telah dibuat semasa pelancaran 'Projek Membasmi Kelemahan Membaca'. Berdasarkan laporan lain yang telah dibuat dalam akhbar tempatan, terdapat 3471 daripada 50 111 orang murid dari darjah 3 hingga darjah 6 di Terengganu masih tidak boleh membaca dan menulis (*Berita Harian*, 2.5.1979). Di Negeri Sembilan pula, terdapat 15 000 daripada 90 000 orang murid sekolah rendah tidak boleh membaca dan menulis (*Utusan Malaysia*, 7.11.1979). Manakala di Pulau Pinang juga, jumlah murid darjah 6 yang tidak boleh membaca dengan cekap ialah 6000 daripada 15 000 orang murid (*New Straits Times*, 30.4.1978). Kenyataan ini memberikan satu gambaran tentang kelemahan penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu. Walaupun Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah dilaksanakan, masalah tersebut tetap wujud. Masyarakat kini sudah peka tentang masalah penguasaan kosa kata asas dan hal yang berkaitan telah mendapat perhatian pihak berkuasa apabila satu Projek Gerakan Membaca dilancarkan pada 28.1.1980 oleh Y.A.B. Datuk Musa Hitam (Timbalan Perdana Menteri pada masa itu). Projek tersebut disusuli pula oleh beberapa peristiwa penting gerakan membaca sehinggalah Pelancaran Tahun Membaca oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 21.1.1988 (Safiah Osman, 1990).

Salah satu sebab murid tidak boleh membaca adalah kerana mereka belum menguasai kemahiran asas bacaan permulaan, yakni mengenal huruf abjad sama ada bentuk, nama atau bunyi. Langkah pengesanan awal sangat perlu agar kesukaran yang dihadapi dalam proses penguasaan kemahiran bacaan dapat dikurangkan. Seterusnya, peluang untuk mereka mencapai tahap kebolehan membaca yang sejajar dengan umur mental mereka dapat

dipercepatkan. Kepentingan kemahiran membaca pada peringkat awal pernah dinyatakan oleh Dorothy Rubin (1980). Mengikut Rubin (1980), kepentingan belajar membaca pada darjah yang awal tidak boleh dipertikaikan kerana semakin lama seseorang kanak-kanak berada dalam keadaan tidak boleh membaca, semakin kurangnya peluang naik kelas atau mencapai tahap kebolehan membaca walaupun dibantu dengan kelas pemulihan yang terbaik.


Konsep menguasai kemahiran bacaan asas berhubung langsung dengan kesediaan membaca; sebahagian besarnya berlaku sebelum murid memulakan pembelajaran secara formal. Tahap keupayaan dan penggunaan bahasa seseorang murid bergantung pula pada minat, daya pemusatan, corak komunikasi, dan jenis interaksi yang dipelajari semasa bersama ibu bapa di rumah. Ibu bapa bukanlah setakat menjadi contoh semata-mata, malahan menjadi penentu jenis bahasa yang digunakan sebagai asas kemahiran membaca di sekolah.

Kajian tentang masalah penguasaan kosa kata asas dalam bahasa Melayu, secara tidak langsung dapat membantu mencari satu alternatif baharu ke arah menangani kelemahan penguasaan bahasa dalam kalangan murid Tahun 1. Penelitian masalah secara khusus dari sudut fonologi dan morfologi mempunyai beberapa kepentingan dalam penguasaan kosa kata dalam bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1. Perbincangan tentang fonologi dapat membantu guru dan ahli bahasa dalam usaha menilai tingkat penguasaan bahasa murid. Tambahan pula, tidak banyak kajian yang berkaitan dengan perolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak Tahun 1 yang dilakukan oleh pengkaji bahasa. Keadaan ini sebahagiannya berpunca daripada anggapan bahawa tidak wujud masalah utama pada peringkat Tahun 1 (awal persekolahan peringkat rendah) kalau ada pun dianggap tidak begitu serius. Tetapi harus disedari bahawa masalah yang timbul pada peringkat awal ini jika tidak dibendung dan dikawal dengan rapi, akan menimbulkan masalah yang lebih besar pada masa akan datang. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menambahkan lagi kajian yang berkaitan dengan tahap perolehan dan penguasaan bahasa murid Tahun 1.


Dari sudut psikolinguistik pula, kajian ini dianggap penting untuk mengenal pasti teori psikolinguistik yang lebih berkesan dalam proses perolehan dan penguasaan bahasa (kosa kata asas) murid yang berumur dalam lingkungan lebih kurang 7 tahun. Kajian ini juga akan melihat bagaimana proses yang mendasari perilaku bertutur dan memahami percakapan oleh manusia yang diasaskan kepada beberapa tahap iaitu, tahap linguistik, tahap fisiologikal dan tahap akustik.

REKA BENTUK KAJIAN

Rajah 3 menunjukkan bahawa pemelajaran adalah proses melakukan berbagai-bagai gerak balas yang disebabkan oleh sesuatu rangsangan, hasil daripada proses pemikiran yang berlaku di dalam minda. Kemudiannya diikuti dengan memilih gerak balas yang sesuai; mengulang-ulangkan atau mengamalkan gerak balas yang dipilih itu hingga akhirnya terbentuklah kemahiran. Sesuatu kemahiran itu akan dipelajari dan terbentuk setelah melalui beberapa proses yang saling berkaitan antara satu sama lain. Melalui Hipotesis Perolehan-Pemelajaran Bahasa, perolehan bahasa dikatakan diperoleh secara bawah sadar, manakala pemelajaran bahasa pula diperoleh secara sadar. (Lihat Rajah 4)



Rajah 3 Pembentukan Kemahiran Hasil daripada Kaitan antara Rangsangan, Pemikiran, dan Gerak Balas.



Rajah 4 Hipotesis Perolehan dan Pemelajaran Bahasa.

Hipotesis perolehan dan pemelajaran bahasa memberi tumpuan kepada cara murid-murid memproses bahasa berdasarkan pertimbangan secara sadar atau tidak sadar. Kebolehan individu menerima input bahasa yang diperolehnya dikaitkan dengan hipotesis monitor, yang memberikan implikasi penting kepada pengajaran bahasa. Lantaran itulah didapati bahawa murid

bukan sahaja mempelajari sesuatu bahasa itu melalui pemelajaran secara formal semata-mata. Pemelajaran secara formal akan memberikan input kepada murid melalui pendekatan, kaedah dan teknik yang diterapkan secara langsung oleh guru dalam usaha memberikan pengajaran untuk menguasai sesuatu kemahiran. Namun perolehan pula boleh berlaku sama ada melalui pengajaran guru atau hasil daripada pergaulan dan komunikasi murid. Dengan itu, sewajarnya proses pengajaran bahasa itu memberi pertimbangan kepada faktor psikolinguistik.

POPULASI DAN PERSAMPELAN

Populasi kajian ialah murid yang belajar dalam Tahun 1 SK. Morak di dalam daerah Tumpat. Kelas tersebut mempunyai 148 orang murid. Secara rawak 7 hingga 8 orang murid daripada setiap kelas telah dipilih dan diambil serta dijadikan sampel kajian. Murid ini dipilih oleh guru kelas masing-masing berdasarkan pencapaian penguasaan bahasa Melayu mereka di dalam kelas tersebut.

SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian terdiri daripada murid berbangsa Melayu kesemuanya. Murid tersebut berada dalam lingkungan umur 7 tahun. Pemilihan murid Tahun 1 ini bersesuaian dengan kajian perolehan dan penguasaan bahasa, kerana pada tahap ini murid telah mengalami proses perolehan bahasa yang lengkap. Dalam pemilihan subjek, kami dibantu oleh guru untuk mengenal pasti murid yang menepati kriteria penyelidikan ini. Sebanyak 20% bersamaan 30 orang pelajar daripada keseluruhan murid Tahun 1 (sesi 2001) di SK Morak, Tumpat, Kelantan yang berjumlah 148 orang, telah dijadikan subjek kajian.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan berdasar kepada kaedah pemerhatian terkawal, temu bual secara berstruktur dan tidak berstruktur, tinjauan, dan rekod pencapaian murid.

Kaedah Pemerhatian

Dalam kajian ini kami menggunakan kaedah pemerhatian terkawal. Sewaktu menggunakan kaedah pemerhatian terkawal, pengumpulan data berdasarkan

soalan yang diuji yang kami kawal secara langsung.

Kami turun ke lapangan untuk membuat kajian rintis atau pemerhatian awal ke atas tempat kajian. Setelah kami mendapat kelulusan daripada pentadbir sekolah, maka pada hari murid Tahun 1 datang untuk pendaftaran, kami telah membuat pemerhatian awal di tempat kajian. Pada peringkat ini kami cuba bersama-sama dengan guru kelas masing-masing untuk mendekati murid tersebut. Oleh sebab kesemua murid tersebut telah menerima pendedahan suasana alam persekolahan pada peringkat TADIKa dan pra-sekolah maka komunikasi antara sesama mereka berjalan dengan baik. Namun demikian, masih lagi terdapat murid yang bersifat pemalu, tidak mempunyai keyakinan diri dan berasa takut untuk berbual dengan kami. Walau bagaimanapun akhirnya murid tersebut mula berasa mesra setelah kami melakukan beberapa siri pertemuan dengan mereka.

Untuk melihat pelaksanaan pengajaran menggunakan bahan yang telah dibina kami telah berada di dalam kelas khas untuk mengajar tahap kemahiran yang diperlukan, sekali gus membuat pemerhatian ke atas pengajaran dan pengujian yang dilakukan. Melalui pemerhatian, kami dapat melihat keadaan sebenar dan perkembangan atau peningkatan penguasaan kosa kata asas dalam kalangan murid tersebut.

Pemerhatian yang dibuat meliputi:

- Aktiviti pengajaran-pemelajaran di bilik darjah.
- Kekuatan bahan rangsangan yang dibina untuk membantu penguasaan kemahiran yang diajar.
- Respons murid melalui jawapan kepada soalan yang diberikan sama ada secara lisan atau bertulis.
- Masalah memahami dan menguasai kemahiran yang telah diajar.

Temu Bual

Temu bual telah dijalankan dengan kesemua responden (30 orang murid yang terlibat dengan kajian ini). Temu bual ini penting untuk mendapatkan:

- Pengesahan tentang perkara yang diperhatikan semasa proses pengajaran dan pemelajaran berlaku.
- Penjelasan lanjut tentang maklumat yang tidak diperoleh daripada instrumen kajian yang lain.

Maklumat daripada temu bual ini dapat membantu mengukuhkan dapatan dan pemerhatian, soal selidik dan rekod pencapaian murid.

Tinjauan

Tinjauan telah diedarkan kepada guru yang terlibat pada awal tempoh kajian dimulakan. Tinjauan ini mengandungi:

- Bahagian I : Latar belakang sekolah.
- Bahagian II (A) : Latar belakang guru yang mengajar Bahasa Melayu.
- Bahagian II (B) : Pendekatan yang digunakan oleh guru Tahun 1.

Rekod Pencapaian Murid

Rekod ini mengandungi data tentang pencapaian murid hasil daripada pengujian yang dijalankan. Rekod tersebut juga mencatat pencapaian yang dikuasai oleh murid pada setiap peringkat dan aspek pengujian. Rekod ini penting kerana kami dapat menggunakannya untuk melihat tahap pencapaian yang dikuasai oleh murid. Pengkaji dengan cepat dapat mengetahui kebolehan dan kelemahan (tahap penguasaan) murid tersebut. Data yang dikumpulkan melalui keempat-empat cara di atas akan dianalisis untuk menentukan tahap penguasaan kosa kata asas murid Tahun 1, dan mengetahui faktor kelemahan murid dalam usaha menguasai kosa kata asas dan seterusnya mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah tersebut.

PENDEKATAN KAJIAN

Kajian dijalankan secara bertulis dengan menggunakan pensel dan kertas. Murid yang hendak diuji diajar terlebih dahulu tentang kemahiran yang hendak diuji. Setelah diajar sebanyak dua kali bagi setiap kemahiran, barulah murid tersebut diuji.

ALAT KAJIAN

Modul soalan yang kami bina berdasarkan kandungan buku teks murid Tahun 1 yang digubal daripada sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 1. Pembahagiannya dibuat secara berperingkat-peringkat melalui bahagian seperti yang berikut:

- Huruf
 - A. Vokal
 - B. Huruf besar

- C. Huruf kecil
 - Suku kata
 - D. Suku kata terbuka. (kv + kv)
 - E. Suku kata tertutup. (kv + kvk)
 - F. Cantuman suku kata. (v + kvk)
 - G. Suku kata tertutup. (kvk+kvk)
 - Perkataan
 - H. Perkataan. (kvk)
 - I. Perkataan. (kvk + kvkk)
 - J. Perkataan berimbuhan. (suku kata kompleks)
 - K. Perkataan diftong, vokal berganding dan konsonan bergabung.
 - Frasa
 - L. Frasa yang mengandungi 2 hingga 3 perkataan.
 - M. Penggunaan frasa di dalam ayat.
 - Ayat
 - N. Ayat yang mengandungi perkataan berganda.
 - O. Membetulkan ayat
 - P. Menyusun ayat mudah.
 - Q. Kefahaman bacaan.

Butiran soalan berjumlah 100 semuanya. Bahagian huruf, bahagian suku kata, bahagian kosa kata, bahagian frasa dan bahagian ayat yang hendak diuji telah dipilih dan dituliskan pada sekeping kad. Kad ini telah dipamerkan kepada murid yang bertindak sebagai responden dalam kajian ini. Gambar yang dijadikan sebagai bahan rangsangan dalam kajian ini telah dilekatkan terlebih dahulu pada sekeping kad secara berasingan. Kad bacaan dan kad gambar mengandungi kesemua bahagian yang hendak diuji.

RESPONDEN

Dalam kajian penyelidikan ini, beberapa kriteria penting dalam pemilihan responden ini dijelaskan seperti yang berikut:

1. Kanak-kanak yang normal.
2. Mempunyai kebolehan berbahasa.
3. Bersekolah dalam Tahun 1 di sekolah rendah (sekolah kebangsaan) bantuan kerajaan.

4. Lelaki dan perempuan berumur dalam lingkungan 7 tahun.
5. Murid yang dipilih seramai tujuh hingga lapan orang bagi setiap kelas.

Pemilihan responden dilakukan dengan bantuan guru kelas.

Tatacara Kajian

Dalam hal ini pengkaji melakukan kajian rintis untuk melihat tentang masalah yang dihadapi oleh murid dalam penguasaan kosa kata asas dalam bahasa Melayu.

Kajian Rintis

Pada peringkat ini pelbagai cara telah digunakan oleh pengkaji untuk mendekati murid tersebut. Hal ini demikian kerana kanak-kanak memiliki sifat pemalu dan berasa takut untuk berbual dengan pengkaji. Lagipun Program Transisi murid Tahun 1 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menekankan proses pengajaran dan pembelajaran dalam tempoh 3 bulan pertama. Sebaliknya dalam tempoh tersebut murid tadi menjalani tempoh transisi yang bermatlamatkan komunikasi. Tetapi, akhirnya murid tadi dapat bernesra dengan kami setelah pelbagai cara dilakukan melalui beberapa siri pertemuan. Usaha ini dipermudahkan lagi hasil daripada pengalaman kami yang terlibat secara langsung mengajar Tahun 1 selama 6 tahun. Berikut implikasi daripada kajian rintis tersebut:

1. Jumlah kemahiran yang hendak dikuasai oleh murid Tahun 1 adalah agak banyak, berbanding dengan jumlah peruntukan masa yang terhad dan kebolehan murid yang lambat.
2. Sukar menganalisis jawapan yang betul melalui latihan yang disediakan, kerana murid terpaksa menguasai kemahiran membaca dan menulis secara serentak dalam masa yang singkat.
3. Murid menghadapi masalah kekangan masa sewaktu melalui proses pengajaran dan pembelajaran, terutama bagi yang lembam. Murid ini berkemungkinan boleh menguasai kemahiran yang diajar sekiranya had masa yang diperuntukkan dilanjutkan.

Berdasarkan maklumat kajian rintis tersebut, kami telah mengambil langkah yang berikut:


1. Memberi penekanan kepada kemahiran yang hendak diuji dan menye-

diakan bahan rangsangan yang berkaitan untuk memungkinan murid menguasainya dengan cepat dalam masa yang singkat.

2. Mengadakan latih tubi daripada aspek lisan, bacaan dan tulisan bagi memantapkan ingatan dan kefahaman murid.
3. Menyediakan bahan rangsangan yang sesuai dengan tahap kemahiran yang dikuasai oleh murid daripada pelbagai tahap kebolehan.
4. Mempelbagaikan alat bantuan mengajar.
5. Menerapkan kajian kualitatif dan kuantitatif berdasarkan pemerhatian semasa kanak-kanak berinteraksi secara tidak formal sewaktu aktiviti bercerita dan aktiviti soal jawab dengan kami.

PROSEDUR KAJIAN

Setelah melalui langkah pengajaran dan pembelajaran yang bersistematis dan sesuai dengan keperluan pembelajaran berdasarkan jadual yang disediakan, didapati murid dapat menguasai kemahiran mengikut tahap kebolehan masing-masing. Semasa pengajaran dilakukan, kami telah memperkenalkan setiap kemahiran yang hendak diuji sebanyak dua kali. Pengajaran dilakukan mengikut langkah utama bagi setiap kemahiran seperti rajah di bawah:



Rajah 5 Langkah Pengajaran.

Dengan cara ini dapatlah murid menguasai kosa kata asas dengan mudah kerana huruf, suku kata, kosa kata (perkataan) dan ayat yang didedahkan kepada mereka diulang sekurang-kurangnya dua kali sebelum ujian dijalankan. Kemahiran yang dikuasai oleh murid dikukuhkan lagi dengan aktiviti menulis pada bahagian akhir pelajaran. Lazimnya bahan yang ditulis oleh murid adalah berdasarkan kemahiran yang hendak diuji. Kami mendapati bahawa menulis semula sesuatu yang telah dipelajari merupakan suatu aktiviti yang berkesan. Semasa melakukan proses ini, murid kelihatan membaca perkataan demi perkataan yang sesuai yang hendak ditulis. Usaha seperti ini bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid, malahan juga dapat meningkatkan kemahiran

mereka dalam penulisan dan sekali gus meningkatkan penguasaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kadang-kadang perkara yang tidak dijangkakan dalam pelaksanaan hanya disedari apabila sesuatu masalah itu muncul, iaitu melalui pemerhatian kami. Umpamanya pada peringkat awal sesi pengajaran dijalankan, kami mendapati murid tidak membawa alatan (kad huruf, kad suku kata, dan kad perkataan) yang diberikan kepada mereka, untuk kegunaan pembelajaran pada sesi yang seterusnya. Bagi mengatasi masalah ini kami sering membekalkan kad tambahan untuk diberikan kepada murid apabila masalah ini timbul.

Dalam tempoh ini selepas melalui setiap proses pengajaran dan pembelajaran, murid diberikan soalan latihan untuk dijawab. Ini bertujuan untuk memberi pengukuhan kepada murid terhadap kemahiran yang dipelajarinya. Kemudian murid akan diuji berdasarkan kemahiran yang dipelajari. Ujian bahagian I mengandungi kemahiran yang berkaitan dengan aspek huruf, suku kata dan kosa kata, manakala ujian bahagian II pula mengandungi kemahiran yang berkaitan dengan aspek frasa dan ayat.

Untuk tujuan melihat penguasaan murid, mereka diuji secara berkumpulan di dalam kelas khas yang bertujuan untuk mengelakkan daripada sebarang gangguan. Ujian penguasaan kosa kata asas dijalankan berdasarkan beberapa siri ujian seperti yang berikut:

1. Peringkat huruf (abjad).

Subjek kajian mengenal bentuk, nama dan bunyi huruf vokal; memadamkan huruf besar dengan huruf kecil; mendiskriminasikan penglibatan di antara huruf yang berdekatan bentuknya dan mengenal huruf besar dan huruf kecil.

2. Peringkat suku kata.

Subjek kajian membatang dan memilih suku kata terbuka; membatang dan menulis suku kata tertutup dan membatang serta menulis suku kata yang mengandungi perkataan diftong, vokal berganding dan konsonan bergabung.

3. Peringkat kosa kata (perkataan).

Subjek kajian menyesuaikan perkataan dengan gambar; menyesuaikan suku kata dan menulis perkataan; mengisikan tempat kosong dengan perkataan berimbuhan; menulis perkataan yang mengandungi diftong, vokal berganding dan konsonan bergabung.

4. Peringkat frasa.

Subjek kajian membaca secara senyap, memahami dan memadamkan

frasa dan klausa sebagai satu unit makna atau pemikiran.

5. Peringkat ayat.

Subjek kajian membaca secara senyap dan menulis perkataan dalam ayat; menyusun semula perkataan bagi menghasilkan ayat yang betul; dan memahami cerita berdasarkan kefahaman bacaan.

Kesemua peringkat bahagian yang diajar ini telah kami uji pada peringkat akhir pengajaran dan pembelajaran.

Setelah selesai menjalankan penyelidikan, kami membuat persembahan dapatan tentang data yang diperolehi. Data daripada ujian ke atas murid dianalisis secara manual, termasuklah kekerapan dan peratusannya.

KEPUTUSAN

Hasil kajian dipaparkan dalam bentuk jadual mengikut kiraan peratusan kekerapan jumlah butiran soalan yang betul dan jumlah butiran soalan yang salah merangkumi peringkat huruf, suku kata, kosa kata, frasa, dan ayat.

Sebelum membincangkan masalah, terlebih dahulu dipaparkan peratusan pencapaian sampel kajian di dalam ujian yang telah dijalankan.

Jadual 6 Jumlah dan Peratusan Pencapaian Penguasaan Kosa Kata Asas.

Bahagian	Jumlah butiran	Jumlah betul	Peratus betul	Jumlah salah	Peratus salah
A	150	138	92.0	12	8.0
B	270	245	97.0	25	9.3
C	330	304	92.1	26	7.9
D	270	192	71.1	78	28.9
E	270	133	49.3	137	50.7
F	120	100	83.3	20	16.7
G	270	63	23.3	207	76.7
H	270	106	39.3	164	60.7
I	120	16	13.3	104	86.7
J	120	22	18.3	98	81.7
K	150	92	61.3	58	38.7
L	150	89	59.3	61	40.7
M	150	45	30.0	105	70.0
N	150	45	30.0	105	70.0
O	60	20	33.3	40	66.7
P	120	35	29.2	85	70.8
Q	30	16	53.3	14	46.7

Seterusnya masalah yang timbul dan pencapaian murid tersebut dalam penguasaan kosa kata asas akan diteliti. Jadual yang di atas menunjukkan peratusan pencapaian murid dalam ujian yang telah dijalankan.

Dalam ujian ini, tahap penguasaan kosa kata asas bagi murid Tahun 1 telah dianalisis. Penganalisisan yang dibuat bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang berkaitan dengan masalah penguasaan tersebut. Hasilnya didapati bahawa masalah penguasaan kosa kata asas dalam kalangan murid Tahun 1 begitu ketara.

Di samping itu, analisis ini juga dilakukan untuk mengetahui keupayaan kemahiran membaca murid Tahun 1, dan mengetahui kebolehan mereka memahami bahan yang dibacanya. Dalam hal ini didapati murid tidak dapat membaca dengan baik dan kebanyakan murid tersebut tidak tahu dan tidak memahami makna kosa kata yang dibaca oleh mereka.

PERBINCANGAN

Masalah Penguasaan Kosa Kata

Penguasaan kosa kata asas dalam kalangan murid diteliti dengan menggunakan nilai mutlak. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar murid boleh menguasai aspek huruf, iaitu bahagian A sebanyak 92.0% (138 jumlah betul), bahagian B sebanyak 90.7% (245 jumlah betul) dan bahagian C sebanyak 92.1% (26 jumlah betul). Pada peringkat ini kami telah membekalkan kad huruf abjad sebanyak 26 huruf kecil dan 26 huruf besar kepada setiap murid. Kad gambar sebagai bahan rangsangan juga dipamerkan.

Hanya sebahagian kecil sahaja murid yang tidak boleh menguasai aspek huruf secara keseluruhannya, iaitu bahagian A sebanyak 8.0% (12 jumlah salah), bahagian B sebanyak 9.3% (25 jumlah salah) dan bahagian C sebanyak 7.9% (26 jumlah salah). Masalah ini timbul kerana masih ada dalam kalangan murid yang tidak dapat membezakan antara *e* pepet dan *e* taling. Oleh itu, walaupun murid diberikan rangsangan melalui gambar untuk memudahkan mereka memahami dan menguasai huruf vokal, namun murid tersebut masih gagal memahami dan menguasai huruf vokal dengan mantap.

Dalam hal ini didapati juga bahawa murid sukar untuk membezakan huruf kecil yang bentuknya hampir sama seperti (*o-a*), (*c-e*), (*n-m*), (*n-h*), (*n-r*), (*r-t*), (*i-j*), (*y-g*), (*g-q*), dan (*f-t*), huruf terbalik (*n-u*), (*m-w*), (*h-y*) dan (*g-b*), huruf songsang (*b-d*), (*q-p*) dan (*b-p*). Dapatan ini menunjukkan bahawa murid itu keliru dengan bentuk huruf tersebut, dan masalah yang

sama akan berlanjutan sama ada huruf tersebut menunggal atau berada dalam perkataan. Murid juga didapati lemah mencari maklumat dalam bahan bergambar walaupun dalam soalan bahagian vokal telah disediakan gambar sebagai bahan rangsangan untuk meningkatkan lagi tahap kefahaman mereka.

Berdasarkan ujian seterusnya iaitu aspek suku kata, didapati penguasaan pada bahagian D sebanyak 71.1% (192 betul), bahagian E sebanyak 49.3% (133 jumlah betul), bahagian F sebanyak 83.3% (100 jumlah betul) dan bahagian G sebanyak 23.3% (63 jumlah betul). Dalam bahagian D, (*kv + kv*) didapati murid masih boleh menguasainya dengan agak baik kerana kemahirannya melibatkan suku kata terbuka (diakhiri dengan vokal) dan mengandungi dua suku kata sahaja. Namun masih ada murid yang tidak dapat menguasainya, kerana pada pandangan kami, murid tidak dapat melakukan koordinasi antara pemikiran dengan kefahaman mereka bagi menghasilkan perkataan yang bermakna. Dalam bahagian ini didapati 28.9% (78 jumlah salah) murid tidak dapat menguasainya.

Dalam bahagian E pula sebanyak 50.7% (137 jumlah salah) murid tidak dapat menguasainya. Masalah ini timbul kerana bahagian E melibatkan suku kata tertutup (*kvk*), lagipun murid terpaksa mengingat kembali kemahiran yang telah diajar oleh guru, kerana jawapan untuk mengisi tempat kosong bagi suku kata tersebut tidak disediakan. Namun demikian murid yang pintar dapat menjawabnya berdasarkan kepada gambar yang disediakan sebagai bahan rangsangan. Peningkatan perbezaan peratusan antara penguasaan murid dalam bahagian suku kata terbuka (*kv*) dengan suku kata tertutup (*kvk*) iaitu 21.8% adalah begitu ketara sekali. Masalah ini timbul kerana dalam suku kata tertutup (*kvk*) murid terpaksa mengingat lebih banyak bilangan huruf konsonan yang mengakhiri setiap suku kata *kvk* (21 huruf) berbanding dengan suku kata terbuka (*kv*) yang hanya melibatkan 5 (*a, e, i, o, u*) huruf sahaja. Masalah ini juga menjadi lebih ketara kerana murid tidak dapat menggabungkan suku kata tersebut secara spontan serta tidak dapat memahami makna kata hasil daripada gabungan suku kata yang telah dicantumkan. Ada juga murid yang terpengaruh dengan dialek daerah seperti menulis perkataan /*makam*/ untuk /*makan*/, /*bakor*/ untuk /*bakul*/ dan /*lutuk*/ untuk /*lutut*/.

Bahagian F menunjukkan peratus penguasaan sebanyak 88.3% (100 jumlah betul). Dalam bahagian ini didapati murid tidak dapat menulis semula huruf vokal yang dicantumkan dengan suku kata tertutup (*v + kvk*) bagi menghasilkan perkataan. Masalah ini timbul kerana ketidakbolehan murid menguasai kemahiran menulis dengan baik dan sempurna. Hal ini demikian kerana kesediaan psikomotor murid masih lagi berada pada peringkat lemah

berbanding dengan penguasaan mereka dalam kemahiran mencantumkan dan menyebut perkataan secara lisan. Perkara ini jelas dapat diperhatikan perbezaannya jika dibandingkan penguasaan murid tersebut semasa pengajaran dan pembelajaran, kerana pada masa pembelajaran didapati murid dapat menguasainya dengan lebih baik. Murid ini juga sebenarnya mengalami masalah kesukaran untuk mengingat kemahiran yang telah dipelajarinya.

Bahagian G menunjukkan kemerosotan peratus penguasaan yang agak tinggi iaitu 76.7% (207 jumlah salah). Masalah ini timbul kerana faktor utama yang dikenal pasti ialah bahagian soalan ini tidak mengandungi gambar sebagai rangsangan, lagipun tidak semua gambar dapat digunakan sebagai bahan rangsangan ini kerana terdapat juga perkataan yang abstrak seperti /lintas/, /lambat/, /terjun/, dan /cantik/. Murid juga didapati tidak dapat melakukan penyesuaian dengan tepat antara suku kata (*kvk* + *kvk*) untuk menghasilkan perkataan yang bermakna. Ini jelas menunjukkan bahawa kaitan di antara pemikiran dengan kefahaman murid dalam memahami makna kata itu, tidak dapat diterjemahkan melalui penulisan apabila soalan tersebut menghendaki mereka menulis kembali suku kata tertutup yang telah disuaikan. Masalah ini ditambah pula dengan jumlah soalan yang agak banyak dalam bahagian ini, dan boleh mengganggu ingatan murid. Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran murid dapat menguasainya melalui kaedah menyesuaikan kad suku kata bagi menghasilkan perkataan yang bermakna, sekali gus murid itu dapat menyebut perkataan tersebut apabila diminta oleh guru untuk menyebutnya.

Dalam bahagian H didapati 60.7% (164 jumlah salah) tidak dapat menguasainya. Dalam bahagian ini didapati murid menjadi keliru untuk membuat penyesuaian antara perkataan dengan gambar yang disediakan, ini kerana pemikiran mereka telah terganggu untuk membezakan antara perkataan yang mengandungi tiga huruf (*kvk*) dengan suku kata (*kvk*). Keadaan ini telah menimbulkan kekeliruan dalam minda murid untuk memilih dan menentukan jawapannya walaupun gambar disediakan sebagai bahan rangsangan.

Bahagian I menunjukkan 86.7% (104 jumlah salah) murid tidak dapat menguasai perkataan yang mengandungi suku kata tertutup (*kvk* + *kvk*) apabila diminta menyesuaikan dan menulis kembali perkataan tersebut. Hal ini demikian kerana murid menjadi semakin keliru dengan suku kata yang lebih kompleks dan ditambah pula dengan ketidakupayaan murid tersebut untuk menguasai kemahiran menulis. Masalah ini menjadi lebih ketara, kerana murid masih berada pada peringkat awal sesi persekolahan dan pendedahan kemahiran (pengajaran) yang kami lakukan juga menghadapi kekangan dari segi masa untuk memungkinkan murid menguasai kemahiran tersebut.

Bahagian J menunjukkan 81.7% (98 jumlah salah) tidak dapat dikuasai oleh murid. Masalah ini timbul kerana murid diminta memilih dan mengisikan tempat kosong dengan jawapan yang tepat. Perkataan yang digunakan ialah perkataan berimbuhan yang mewakili perkataan yang mengandungi suku kata yang lebih kompleks, ini menjadikan pemikiran murid menjadi lebih bercelaru. Keadaan ini menjadi lebih rumit lagi bagi murid membuat tafsirannya, kerana bahagian ini tidak disediakan gambar sebagai rangsangan. Namun demikian sebelum ujian sebahagian besar murid dapat menyebutnya apabila diminta oleh pengkaji, kerana pada ketika itu kad gambar telah digunakan oleh pengkaji sebagai alat bantu mengajar bagi memberikan rangsangan kepada minda murid.

Bahagian K sebanyak 38.7% (58 jumlah salah) tidak dapat dikuasai oleh murid. Masalah yang jelas dapat dikesan oleh pengkaji dalam bahagian ini ialah murid tidak dapat menentukan antara gambar pulau dengan pantai dan gambar tasik dengan teratai. Hal ini demikian kerana kesemua gambar tersebut seakan-akan sama di antara satu sama lain. Namun secara jelasnya dapatlah dikatakan bahawa sebahagian murid dapat menjawab soalan ini adalah kerana gambar telah disediakan sebagai rangsangan kepada pemikiran murid untuk memilih jawapannya.

Pada peringkat frasa pula didapati bahagian L terdapat 40.7% (61 jumlah salah) murid tidak dapat menguasai bahagian tersebut. Masalah pada peringkat ini jelas menunjukkan kaitan secara langsung dengan ketidakupayaan murid untuk membaca secara senyap akan frasa berkenaan, hanya didapati sebilangan kecil sahaja murid yang boleh membaca dan memahami frasa berkenaan. Hal ini menyebabkan murid gagal untuk memadankan jawapan antara gambar dengan frasa yang disediakan. Ada juga murid yang salah dalam membuat penyesuaiannya, kerana ada antara gambar dan frasa yang disediakan itu boleh mengelirukan pemikiran murid, contohnya seperti gambar “dua bilah pisau” dengan “dua bilah parang” dan gambar “bola sepak” dengan “padang bola”, sekali gus murid akan melihat perkataan yang ada kaitan dengan gambar terus menyesuaikan tanpa mengambil kira risiko betul atau salahnya jawapan tersebut. Dalam masalah ini didapati murid tidak dapat membezakan dua gambar yang hampir sama dan dua perkataan yang sama dalam frasa.

Bahagian M menunjukkan 70.0% (105 jumlah salah), masalah ini terjadi kerana didapati murid tidak dapat mengaplikasikan frasa ke dalam ayat apabila soalan meminta murid melengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul untuk menjadikan ayat. Keadaan ini terjadi kerana sebahagian besar murid tidak dapat membaca. Walaupun gambar yang

disediakan dijangka dapat memberikan rangsangan kepada murid untuk melengkapkan cerita. Di sini sekali lagi dapat dilihat bahawa kaitan antara pemikiran pelajar dengan keupayaan mereka untuk menulis jawapan dalam soalan tersebut tidak berlaku.

Aspek akhir yang diuji ialah bahagian ayat. Dalam bahagian N didapati 70.0% (105 jumlah salah) tidak dapat dikuasai oleh murid. Dalam bahagian ini murid diuji untuk menguasai ayat dengan menggunakan perkataan berganda, bagi tujuan mengisikan tempat kosong yang disediakan. Sebahagian besar murid tidak dapat menguasainya kerana mereka tidak dapat memahami dengan jelas makna bagi perkataan tersebut. Contohnya murid memahami dengan jelas perkataan /jari/ tetapi tidak memahami perkataan /jejari/, begitu juga dengan perkataan berganda yang lain. Masalah kefahaman tentang makna perkataan telah menjejaskan pemikiran murid untuk memilih jawapan yang betul dan tepat untuk diisikan ke dalam tempat kosong. Masalah ini tetap ketara walaupun kami cuba membaca soalan bagi memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada murid. Hal ini demikian kerana gambar rangsangan tidak disediakan untuk soalan ini.

Bahagian O mengandungi soalan yang berkaitan dengan ayat mudah. Murid diarahkan supaya menyusun semula ayat mengikut susunan yang betul. Masalah penguasaan dalam bahagian ini ialah sebanyak 66.7% (40 jumlah salah), masalah ini timbul kerana murid tidak memahami tentang struktur ayat dalam bahasa Melayu yang mengandungi subjek dan predikat sebagai rumus tatabahasanya. Oleh itu didapati murid menyusunnya sesuka hati tanpa menghiraukan hukum dalam tatabahasa bahasa Melayu, akibatnya jawapan yang diberikan oleh mereka itu salah. Murid ini juga gagal memahami sebahagian makna perkataan dan maksud ayat tersebut dengan jelas.

Begitu juga halnya dengan bahagian P, iaitu sebanyak 70.5% (78 jumlah salah) murid tidak dapat menguasainya. Hal ini demikian kerana selain daripada tidak memahami tentang struktur dan rumus tatabahasa dalam bahasa Melayu, murid juga tidak tahu tentang penggunaan dan kedudukan huruf besar yang betul di dalam ayat. Dalam hal ini juga murid didapati tidak mengetahui tentang pola ayat. Ini menyebabkan pemikiran murid lebih bercelaru apabila ayat yang hendak disusun itu semakin panjang, iaitu 5 hingga 6 patah kata bagi satu ayat. Jika dilihat perbezaan peratusannya dengan bahagian O ternyata bahagian O menunjukkan peratusan yang lebih kecil, kerana ayat yang perlu disusun dalam bahagian itu lebih pendek, iaitu di antara 3 hingga 4 patah kata sahaja.

Bahagian yang akhir sekali, iaitu bahagian Q didapati 46.7% (14 jumlah

salah) soalan yang gagal dikuasai oleh murid. Setelah diteliti didapati bahawa selain daripada tidak dapat membaca secara senyap dan memahami petikan yang disediakan, murid juga didapati tidak dapat mengaplikasi kemahiran mata pelajaran Matematik dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana soalan pada bahagian ini dibina secara merentas mata pelajaran. Ternyata murid menjadi keliru dengan gambar yang mengandungi semua kenyataan dalam cerita yang dibina. Oleh itu, pemikiran murid agak bercelaru dalam usaha memahami kehendak soalan yang diajukan. Di sini menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar adalah rendah dalam memahami cerita dalam soalan yang disoal. Ada juga murid yang menjawab lebih daripada satu jawapan kerana menyangka kesemua kenyataan dalam cerita yang disoal itu perlu ditandakan dengan setiap gambar yang disediakan.

Rekod pencapaian murid juga dipaparkan untuk menunjukkan pencapaian murid tersebut sebelum ujian dijalankan dan selepas mereka menjalani ujian. Paparan dibuat mengikut kelompok cerdas, sederhana dan lambat. Untuk melihat perbezaannya rujuk Jadual 7.


Jadual 7 Perbandingan Pencapaian Murid Sebelum dan Selepas Ujian.

Kelompok	Sebelum ujian	Selepas ujian	Perbezaan
Cerdas	17 (56.7%)	4 (13.3%)	-13 (43.4%)
Sederhana	10 (33.3%)	23 (76.7)	+12 (40.0%)
Lambat	3 (10.0%)	3 (10.0%)	Tiada

Ternyata bahawa pencapaian murid dalam usaha menguasai kosa kata asas telah menunjukkan kemerosotan yang ketara apabila dibandingkan pencapaian sebelum ujian dijalankan dengan selepas ujian dijalankan. Kemerosotan ini dapat diperhatikan melalui perbezaan peratus dalam Jadual 7.

Didapati kumpulan cerdas menurun sebanyak 43.4% atau 13 murid. Angka ini menunjukkan perbezaan yang paling ketara dan kumpulan sederhana pula meningkat pertambahannya sebanyak 40.0% bersamaan 12 murid, manakala kumpulan lambat pula tidak menunjukkan sebarang perbezaan dengan peratusannya sebanyak 10.0% bersamaan dengan tiga orang murid (lihat Carta 1).

Berdasarkan dapatan di atas maka dapatlah disimpulkan bahawa murid hanya dapat mengingati sesuatu kemahiran yang diajar itu hanya dalam



Carta 1. Peratus Pencapaian Murid Sebelum dan Selepas Ujian.

masa yang singkat. Buktinya setelah sekian lama masa, mereka tidak dapat mengingat kemahiran yang telah dipelajari untuk menjawab soalan ujian yang dijalankan. Ini membuktikan bahawa murid ini menghadapi masalah sukar untuk mengingat, tidak dapat menumpukan perhatian, keadaan fizikal yang lemah dan dua orang daripadanya menjadi mangsa perceraian ibu bapa selain tinggal bersama-sama penjaga kerana kematian ibu atau bapa. Semua faktor yang disebutkan itu telah mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 1.

KESIMPULAN

Hasil kajian membuktikan bahawa murid dapat menguasai kosa kata asas dalam bahasa Melayu pada peringkat huruf dengan memuaskan, tetapi apabila sampai ke bahagian suku kata, bahagian kosa kata, bahagian frasa dan seterusnya bahagian ayat didapati penguasaan murid tadi menjadi lebih bermasalah. Masalah ini dapat dilihat dalam usaha mereka menguasai kemahiran yang melibatkan suku kata tertutup (*kvk*) berbanding dengan kefahaman mereka terhadap suku kata terbuka (*kv*). Namun demikian ada juga murid tersebut yang dapat memahami dan menguasai bahagian tersebut dengan baik.

Hal ini demikian kerana murid tersebut tidak dapat membatang, memahami dan menulis suku kata yang mengandungi suku kata tertutup (*kvk*). Hal ini membuktikan bahawa murid hanya dapat mengenali, memahami

dan menulis huruf. Pada peringkat yang lain pula murid ini gagal memahami dan menguasai kosa kata yang abstrak sifatnya. Oleh itu didapati murid ini hanya mampu menguasai kosa kata yang dianggap mudah, senang dan bersifat konkrit untuk dikuasai oleh mereka. Perolehan kosa kata dalam bahasa Melayu tidaklah berlaku sewenang-wenang. Dalam proses perolehan dan penguasaan ini, murid selalu menggunakan strategi simplikasi (pemuudahan) bagi menggambarkan makna yang telah dikuasai oleh mereka. Namun kosa kata ini belum lagi mantap dalam pengetahuannya, lebih-lebih lagi tanpa dibantu dengan bahan rangsangan.

Pada peringkat perkataan juga didapati murid agak lemah untuk menguasai perkataan yang mengandungi suku kata tertutup (*kvk + kvkk*) dan perkataan yang mengandungi lebih daripada dua suku kata. Tetapi pencapaiannya agak lebih baik dalam menguasai kosa kata yang mengandungi diftong, vokal berganding dan gugusan konsonan. Hal ini demikian kerana perkataannya diwakili oleh perkataan yang konkrit dan dibantu dengan gambar sebagai bahan rangsangan.

RUJUKAN

- Abdul Aziz bin Talib, 1983. *Menguji Bacaan Bahasa Malaysia Secara Diagnostik, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Abdul Talib, 1993. "Menguji Kemahiran Bahasa Prinsip, Teknik dan Contoh" dlm. *Dewan Bahasa* 37:7, hlm. 664-666.
- Abu Zahari bin Abu Bakar, 1987. *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: UTM.
- Atan bin Long, 1971. *Satu Penyiasatan Perbendaharaan Kata Asas Kanak-kanak Melayu di dalam Darjah Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Harian*. "Kajian dan Laporan tentang Masalah Bacaan". 28 September 1979.
- Berita Harian*. "49 996 Gagal Bahasa Melayu". 27 Februari 2001.
- Berita Minggu*. "Tak Dapat Membaca dan Menulis". 24 Februari 1980.
- Carol, John B., (ed.), 1976. *Language Thought Reality Selected Writings of Benjamin Lee Whorf*. The MIT Press, Cambridge Massachusetts, Twelfth Printing.
- Chomsky, Noam, 1968. *Language and Mind*. New York: Harcourt, Brace & World.
- Chomsky, Noam, 1971. Deep structure, surface structure, and semantic interpretation". Dlm. Steinberg, D.D., dan L.A. Jakobovits. (Ed.). *Semantics: An Interdisciplinary Reader in Philosophy, Linguistics, and Psychology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Durkin, Dolore, 1972. *Phonic and the Teaching of Reading*. New York: Teachers College Press, Columbia University.

- Institut Bahasa, 1996. *Penguasaan Bahasa di Kalangan Guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. (Edaran Terhad).
- Juriah Long, 1983. *Pemerolehan Imbuhan pada Peringkat Prasekolah dan Implikasinya terhadap Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krashen, S., 1979. "A Response to McLaughlin, The Monitor Model: Some Methodological Considerations" dlm. *Language Learning* 29: 151–167.
- Krashen, 1980. *The Input Hypothesis*. Washington D.C.: Georgetown University Press.
- Mangantar Simanjuntak, 1985. *Pengantar Psikolinguistik Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, et al., 1994. *Tatabahasa Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraihan binti Dato' Sallehudin, 1982. *Buku Terus Membaca I dan II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Prideaux, G.D., 1984. *Psycholinguistics: The Experimental Study of Language*. C. Helm.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1981. *Buku Panduan Am, Kurikulum Baru Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993. *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, SK / SRK Tahun 1*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum. (Edaran Terhad)
- Sofiah Hamid, 1983. *Pendekatan Mengajar Bacaan Bahasa Malaysia di Peringkat Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Utusan Malaysia*. "1500 Pelajar Tak Boleh Membaca di Negeri Sembilan". 7 November 1977.
- Utusan Malaysia*. "KBSR Masih Gagal Atasi Murid Lembam". 12 Jun 1991.
- Vijayaletchumy a/p Subramaniam 2000. "Masalah Penguasaan Kata Nama di Kalangan Kanak-kanak Prasekolah". Dlm. *Dewan Bahasa* Jld. 44, hlm. 50–65.

